

15/11/2003

RM85.5j naik taraf lapangan terbang

Daud Awang

MELAKA: Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM85.5 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam bagi membolehkan pesawat Boeing 737 mendarat pada masa depan.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM12 juta membabitkan kos pengambilan balik tanah, kos pemanjangan landasan sepanjang 500 meter (RM35 juta), pembinaan menara kawalan (RM14 juta) dan pembinaan bangunan terminal mendarat dan aerobridge (RM24.5 juta).

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata ketika ini lapangan terbang berkenaan tidak dapat menampung peningkatan penumpang dengan menggunakan pesawat Fokker 50.

"Selaras dengan misi kerajaan menjadikan Melaka negeri pelancongan, adalah wajar lapangan terbang sedia ada diperbesarkan bagi membolehkan pesawat lebih besar yang membawa pelancong mudah mendarat," katanya di sini, semalam.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri berharap tender mengenainya dapat dikeluarkan selewat-lewatnya pada Disember ini.

Lapangan Terbang Batu Berendam kini mengendalikan penerbangan pesawat Merpati Nusantara Airline, Riau Airline dan Berjaya Air.

Merpati Nusantara meliputi sektor Melaka-Pekan Baru-Melaka pada Isnin, Selasa, Khamis, Jumaat dan Ahad manakala Riau Airline bagi sektor yang sama pada Isnin, Rabu, Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Berjaya Air meliputi sektor Padang-Melaka-Subang-Melaka pada setiap Isnin dan Jumaat.

Malaysia Airport Berhad (MAB) mengendalikan 22,708 penumpang bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu dan daripada jumlah itu, 21,905 penumpang bagi sektor antarabangsa (Indonesia).

Sehubungan itu, Mohd Ali berterima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan peruntukan pembesaran lapangan terbang berkenaan.

"Sebelum bersara, Dr Mahathir bersetuju meluluskan beberapa projek penting di Melaka termasuk pembesaran Lapangan Terbang Batu Berendam, pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Pelabuhan Melaka dan beberapa projek infrastruktur lain," katanya.